

Pertama dalam sejarah, wanita diberi hak undi dalam sinode

VATIKAN: Buat pertama kalinya dalam sejarah sinode, Sri Paus Fransiskus telah memberikan wanita hak untuk mengundi dan membuat perubahan radikal kepada keahlian Sinode para Uskup tentang Sinodaliti.

Semasa sinode, yang akan bermula pada bulan Oktober, antara 21 dan 25 peratus ahli yang mempunyai hak untuk mengundi bukan hanya uskup. Ahli-ahli sinode akan terdiri daripada wanita dan lelaki tertahbis, serta wanita dan lelaki awam. Semua yang menjadi ahli sinode akan mempunyai hak untuk mengundi.

Sejak Konsili II, Sri Paus telah memanggil para uskup di seluruh dunia ke Roma selama beberapa minggu pada satu

masa bagi membincangkan topik-topik tertentu.

Pada akhir mesyuarat itu, para uskup akan mengundi cadangan tertentu dan menyerahkannya kepada Sri Paus, yang kemudian menghasilkan dokumen yang mengambil kira pandangan mereka. Sehingga sekarang, yang boleh mengundi hanyalah kaum lelaki.

Berita itu diumumkan oleh Kardinal Mario Grech, setiausaha agung Sinode dan Kardinal Jean-Claude Hollerich, ketua relator sinode pada April 26.

Menjelaskan perubahan dalam keahlian sinode, Kardinal Hollerich menjelaskan bahawa pada masa lalu, 10 klerus dari Institusi-institusi Hidup Bakti dan dipilih oleh organ-

isasi masing-masing yang mewakili pemimpin umum, boleh menyertai sinode. Tetapi kini tidak lagi. Daripada 10 klerus, kumpulan ini kini akan diwakili oleh “lima religius wanita dan lima religius lelaki” dan sebagai ahli sinode, “mereka mempunyai hak untuk mengundi.” Kardinal Hollerich juga menyatakan bahawa tidak akan ada lagi juruaudit yang hadir di sinode, sebaliknya tambahan 70 ahli bukan uskup yang mewakili pelbagai kumpulan umat beriman, kaum tertahbis dan mereka yang datang dari gereja-gereja tempatan.”

Ditanya sama ada perubahan keahlian ini mewakili “revolusi” di gereja, Kardinal Hollerich berkata, “Ini bukan revolusi. Ini perubahan penting.” — *CNA*



Mendengar yang lemah, memperkaya Gereja

TAKHTA SUCI: Kehidupan dan pelayanan Gereja Katolik diperkaya dengan mendengar semua orang, serta mengambil kira atau belajar dari pengalaman dan perspektif mereka, terutama mereka yang sering diabaikan oleh masyarakat, kata Sri Paus Fransiskus.

“Gereja itu seperti permaidani yang kaya, terdiri dari banyak benang individu yang berasal dari pelbagai bangsa, bahasa dan budaya, namun dijalin menjadi satu kesatuan oleh Roh Kudus,” katanya kepada delegasi dari *Catholic Extension*.

Bapa Suci menyapa delegasi tersebut semasa audiensi di Vatikan pada April 26.

Delegasi itu termasuk Kardinal Blase J. Cupich, Uskup Agung Chicago, kaunselor

Majlis Gabenor organisasi tersebut; Uskup Emeritus Gerald F. Kicanas dari Tucson, wakil rektor; dan Sr Norma Pimentel, seorang anggota Misionari Yesus, yang menerima Penghargaan “*Spirit of Francis*” dari *Catholic Extension* tahun ini atas pelayanannya memberikan perhatian kepada ratusan ribu orang disempadan Amerika Syarikat-Mexico.

“Saya mengucapkan tahniah kepada Sr Norma Pimentel atas pelayanannya kepada ramai lelaki, wanita, dan kanak-kanak yang tiba di sempadan selatan Amerika Syarikat,” ujar Sri Paus.

Berbicara singkat dalam bahasa Sepanyol, Sri Paus mengatakan sempadan AS-Mexico itu adalah “*caliente caliente*,” iaitu tempat terpopuler kerana begitu ramai orang ke sana demi “mencari masa depan yang lebih baik.”

Sri Paus Fransiskus pernah menghantar pesan video pada tahun 2021 kepada Sr

Norma dan timnya yang melayani di sempadan selatan Texas, bagi membantu para migran untuk hidup lebih bermartabat.

Bapa Suci mengatakan para migran harus dialu-alukan, martabat mereka harus dilindungi, ditemani dan diintegrasikan.

Prelatus itu berterima kasih kepada *Catholic Extension*, atas pelayanan dan karya mereka “memberikan bantuan kepada keuskupan misionari, khususnya di Amerika Syarikat dan dalam merawat keperluan orang miskin dan paling rapuh,” terutama di Puerto Rico yang terjadi pelbagai bencana seperti badai dan gempa bumi yang membawa kehancuran di tempat itu dalam beberapa tahun ini. ”

Bersuara bagi yang tak bersuara

“Dengan memberikan suara kepada mereka yang seringkali tidak bersuara, anda menjadi saksi atas martabat yang diberikan Tuhan kepada setiap orang.”

Ketika seluruh Gereja melakukan perjalanan bersama di jalan sinodaliti, kata Sri Paus, “mendengarkan dan memasukkan pengalaman dan perspektif semua orang, terutama mereka yang terpinggir dalam masyarakat, akan memperkaya kehidupan dan pelayanan Gereja.”

“Saya gembira mengetahui kepedulian anda untuk menempatkan mereka yang sering menjadi mangsa ‘budaya membuang’ yang juga sedang menjadi keutamaan dalam kegiatan pastoral Gereja; dengan cara ini, suara mereka dapat didengar, dan semua dapat memperoleh manfaat,” katanya.

Bapa Suci Fransiskus mendorong mereka untuk melayani orang lain dengan “gaya Tuhan”, iaitu dengan kedekatan, kasih sayang dan kasih yang lembut sehingga “rahmat kasih Tuhan menjadi nyata, dan jalinan masyarakat diperkuat dan diperbarui.” — *media Vatikan*

Adakah kamu iri hati kerana Aku murah hati?

Ada pepatah yang dikaitkan dengan Attila Raja Bangsa Hun, seorang penguasa abad ke lima yang terkenal dengan kekejamannya, yang berbunyi seperti ini: Bagi saya untuk bahagia, bukan hanya penting memastikan saya berjaya: Juga penting orang lain gagal.

Pada pendapat saya, mungkin bukan Attila Raja Bangsa Hun yang menulisnya tetapi, tidak kira, ada makna tersirat yang dapat dipelajari dari pepatah itu.

Injil menyatakan kepada kita bahawa belas kasihan Tuhan tidak terhad dan tanpa syarat, bahawa Tuhan tidak pilih kasih, bahawa Tuhan memberikan kebahagiaan dan keselamatan sama rata semua orang, dan Tuhan tidak mencatu kurniaan Roh-Nya.

Jika itu benar, maka kita perlu bertanya kepada diri sendiri mengapa kita sering cenderung untuk menahan Roh Tuhan daripada bekerja dalam diri orang lain melalui penilaian atau penghakiman kita – terutamanya dalam penghakiman dari sudut pandangan agama kita.

Kita buta kepada fakta bahawa kadang-kadang ada sedikit Attila Hun dalam diri kita. Sebagai contoh, berapa ramai di antara kita yang cenderung berfikir seperti ini: Agar agama saya menjadi agama benar, penting bagi saya bahawa agama-agama lain tidak benar! Agar mazhab Kristian saya setia kepada Kristus, adalah penting


bagawa semua denominasi lain dianggap kurang setia. Agar Ekaristi dalam denominasi saya autentik, adalah penting bahawa Ekaristi dalam denominasi lain tidak atau kurang autentik.

Dan, oleh kerana saya mempraktikkan iman dan moral dengan setia dalam kehidupan, maka penting bagi saya bahawa orang lain yang tidak setia dalam iman dan kurang bermoral, tidak layak ke syurga atau mereka lebih layak ditempatkan di syurga kelas dua.

Nah, kita bukanlah murid pertama Yesus yang berfikir dalam cara itu seperti pepatah Attila Raja Bangsa Hun. Ini sebenarnya sebahagian besar pengajaran dalam perumpamaan Yesus mengenai pemilik tanah yang terlalu murah hati yang membayar semua orang dengan gaji yang sama, tidak kira berapa banyak atau sedikit masa bekerja yang dilakukan oleh pekerja.

Kita semua sudah biasa dengan cerita ini iaitu seorang pemilik tanah keluar pada suatu pagi dan mengupah pekerja untuk bekerja di ladangnya. Dia mengupah beberapa orang pada awal pagi, ada beberapa lagi pada tengah hari, ada yang datang pada waktu petang dan ada yang bekerja pada jam terakhir iaitu hanya satu jam.

Tetapi si tuan tanah membayar mereka semua dengan upah yang sama – upah yang sama banyak. Orang-orang yang bekerja sepanjang hari menjadi marah, kecewa



kerana (walaupun upah mereka banyak) merasa tidak adil bagi mereka kerana mereka yang bekerja kurang masa daripada mereka, turut menerima upah yang sama banyak.

Pemilik tanah itu menjawab rungtan mereka, sebagai tindak balas berkata kepada pengadu, “Saudara, aku tidak berlaku tidak adil terhadap engkau. Adakah engkau iri hati, kerana aku murah hati? (Matius 20, 1-16)

Perhatikan bahawa Yesus memanggil dan menyapa orang yang membuat aduan itu sebagai ‘saudara’.

Gelaran itu juga untuk kita, orang-orang yang setia melakukan kerja sehari-hari. Perhatikan nadanya hangat dan lembut.

Walau bagaimanapun, cabarannya juga hangat dan lembut: Mengapa anda cemburu kerana Tuhan terlalu murah hati?

Bagi kita, kerana kita melakukan perkara yang betul, maka Tuhan harus bertindak tegas bagi mereka

yang tidak melakukan perkara yang betul.

Saya ingin menyatakan: kadang-kadang saya membayangkan diri saya, setelah menjalani kehidupan selibat, memasuki syurga dan bertemu di sana playboy yang paling terkenal di dunia dan bertanya kepada Tuhan, “Bagaimana dia dapat masuk ke sini?” dan Tuhan menjawab, “Saudara, bukankah syurga tempat yang indah! Adakah anda iri hati kerana saya pemurah?”

Siapa tahu, kita mungkin bertemu dengan Attila Raja Bangsa Hun di sana!

Salah satu nilai teras yang dipegang oleh sekumpulan Quakers adalah sesuatu yang mereka panggil “kemurahan hati yang ortodoks”.

Saya suka gabungan kata-kata itu – kemurahan hati dan ortodoks.

Kemurahan hati adalah mengenai keterbukaan, keramahan, empati, toleransi yang luas, dan mengorbankan sebahagian daripada diri kita untuk orang lain.

Ortodoks atau konservatif/tradisional adalah mengenai kebenaran tertentu yang tidak boleh dirunding, menjaga sempadan yang betul, tetap setia kepada apa yang anda percayai, dan tidak menjejaskan kebenaran demi kebaikan.

Kedua-duanya sering bertentangan, tetapi kemurahan hati dan ortodoks dimaksudkan untuk bersama dan tidak dapat dipisahkan.

Berpegang pada kebenaran kita, menjaga batas yang betul, dan eng-

gan berkompromi membawa risiko tidak baik dan tidak seimbang.

Untuk adil dan seimbang, ia memerlukan kita menghormati sepenuhnya dan bermurah hati mengenai kebenaran orang lain, menghormati kepercayaan orang lain dan batas mereka.

Dan ini bukan sistem yang tidak sihat, jika apa yang orang lain pegang sebagai kebenaran tidak bercanggah dengan apa yang kita yakini – walaupun ia mungkin sangat berbeza dan mungkin dalam penilaian kita ia tidak sama dan bermakna seperti apa yang kita percaya.

Oleh itu, anda boleh menjadi seorang Kristian, yakin bahawa agama Kristian adalah ungkapan agama yang paling benar di dunia tanpa menganggap agama-agama lain adalah palsu.

Anda boleh menjadi Katolik Romawi, dengan meyakini bahawa Katolik Romawi adalah ungkapan sebenar dan sepenuhnya agama Kristian, dan Ekaristi anda adalah kehadiran sebenar Yesus, tanpa membuat penghakiman bahawa denominasi Kristian lain bukan ungkapan Kristus yang sah dan tidak mempunyai Ekaristi yang sah.

Maka, tidak ada percanggahan di sini, sebaliknya saling menghormati.

Anda boleh menyatakan diri anda benar tanpa memandang orang lain adalah salah!

— **Hakcipta Terpelihara 1999-2023 @ Fr Ron Rolheiser**

Janganlah gelisah hati mu... percayalah kepada Tuhan

Kanak-kanak maut dipanah petir, gelombang panas akibatkan tiga maut di Asia, El-Nino dijangka bulan Jun, cuaca lebih panas dan kering Semua tajuk berita tempatan ini sudah tentu menyebabkan hati kita gelisah.

Apabila merenungi semua kejadian ini, kita mula merasakan betapa kejam dan sadisnya kehidupan ini. Namun kita perlu sedar bahawa terdapat misteri-misteri kehidupan yang tidak kita ketahui, masalah-masalah yang tidak dapat kita atasi dan keadaan-keadaan yang tidak dapat kita terima.

Bagi kita umat Kristian, walaupun di kelilingi oleh pelbagai masalah krisis kesihatan, kejahatan, masalah sosial, harga barang keperluan harian semakin mahal, pergolakan politik yang membimbangkan namun Yesus dengan tenang memberikan kita nasihat, “Jangan gelisah hatimu. Percayalah kepada Tuhan, percaya jugalah kepada-Ku” (Yoh 14:1).

Kata-kata Yesus ini memang sungguh menghiburkan serta memberi pengharapan. Namun ramai di antara kita tidak terhibur langsung dengan kata-kata tersebut. Kemungkinan besar kita menolaknya dengan sikap yang sinis.

Bagaimana mungkin Yesus sanggup memberi nasihat sedemikian rupa. Apakah Dia tidak sedar apa yang sedang terjadi di tengah-tengah kita?

Di dalam kehidupan harian, bukannya kita berhadapan dengan masalah kerja, masalah dengan rakan sekerja, masalah dengan keluarga, masalah suami isteri, masalah anak-anak, masalah kereta, rumah, wang dan masalah dengan kesihatan kita yang tidak menentu?

Dalam arena global, kita menghadapi masalah globalisasi – peperangan, pemanasan dunia, cuaca tidak menentu, politik Negara-negara jiran yang tidak stabil, harga minyak naik secara mendadak, keganasan dan bom nuklear.

Dalam arena nasional pula, kita menghadapi keharmonian, kedamaian dan keamanan dicemari oleh pelbagai kejahatan dan jenayah yang semakin menjadi-jadi. Ini semua belum terhitung dengan jumlah orang terpelajar menganggur serta harga barang semakin meninggi langit.

Secara peribadi pula, mungkin kita mempunyai kegelisahan yang bersifat perasaan belaka. Kita berperasaan tentang kegagalan hidup sehingga kita menjadi takut. Kita

terlalu memikirkan bahawa kita dikritik dan disingkirkan oleh teman-teman, lalu kita tidak mahu berbuat apa-apa, kita menjadi lumpuh akibat fikiran yang bukan-bukan. Memang betul perkara ini belum tentu atau tidak akan terjadi pada diri kita, namun ianya tetap membuat hati kita gelisah.

Apakah Yesus tidak mengetahui kegelisahan kita? Apakah nasihat-Nya itu tadi sungguh tidak masuk di akal? Memang Yesus tahu semua kegelisahan kita. Itulah sebabnya kata-kata-Nya sangat berkaitan dan sesungguhnya sangat menenteramkan hati kita. Yesus tahu tentang masalah-masalah yang kita hadapi kerana Dia sendiri pernah mengalaminya.

Misalnya Dia mempunyai masalah dengan orang-orang Farisi yang suka memutarbelitkan kata-kata-Nya. Dia bermasalah dengan murid-murid-Nya, bermasalah dengan Petrus yang telah menolak-Nya, bermasalah dengan Yudas yang telah mengkhianati-Nya, masalah dengan ketakutan-Nya terhadap kematian yang akan berlaku pada diri-Nya.

Namun, walaupun menghadapi pelbagai masalah tersebut, Yesus masih dapat berkata dengan

HARI MINGGU PASKAH KELIMA (A)

**KISAH PARA RASUL 6:1-7
1 PETRUS 2:4-9
INJIL YOHANES 14:1-12**

tenang dan penuh kepastian: “Jangan gelisah hatimu; percayalah pada Tuhan” (Yoh 14:1). Iman yang disyorkan oleh Yesus bukanlah iman yang melarikan diri daripada kenyataan. Sebaliknya, ianya merupakan suatu pernyataan bahawa walau apapun yang terjadi, kita tidak akan pernah dihapuskan olehnya.

Walaupun seakan-akan semuanya kelihatan hancur berkecai, namun kita tidak akan pernah musnah.

Iman kita merupakan suatu pengesahan bahawa walaupun orang lain meninggalkan kita, Yesus tetap tinggal bersama kita. Sebab Dia telah berjanji untuk menuntun kita ke tempat yang telah disediakan-Nya, “Di mana Aku berada, kamu pun berada” (Yoh 14:3).

Bagaimanapun, iman kepercayaan kita bukanlah sesuatu

yang dianggap sebagai takdir. Bukan sesuatu yang membuat kita menerima apa adanya yang terjadi pada kita tanpa melakukan sesuatu untuk mengatasinya. Jika boleh, seharusnya kita berusaha mengatasi segala masalah kehidupan sebaik mungkin. Tetapi jika sekiranya di luar kawalan dan kemampuan kita pula, maka kita terpaksa menerimanya dengan penuh kesabaran dan belajar hidup menghadapi kenyataan tersebut.

Marilah berdoa pada Tuhan agar semangat kita tetap dikuatkan: “Tuhan, berilah aku KETENANGAN untuk menerima perkara-perkara yang tidak boleh kuubah; KEBERANIAN untuk mengubah perkara-perkara yang boleh ku ubah; dan KEBIJAKSANAAN untuk mengetahui perbezaan di antara kedua-duanya.” Amen! — **santapan rohani**

Seminar Liturgi, Koir di SFA

CHERAS: Paroki St Francis of Assisi telah menganjurkan program Seminar Liturgi dan Bengkel Koir/Pemazmur yang telah disampaikan oleh SDRA NEIL MAH, dari Keuskupan Agung Kota Kinabalu, Sabah yang juga merupakan ahli Komisi Liturgi Serantau.

Seramai 135 orang umat daripada 17 paroki di Keuskupan Agung Kuala Lumpur telah menyertai seminar yang merangkumi dua sesi tersebut.

Sesi pertama, adalah terbuka untuk badan pelayan Liturgi dan umat umum, manakala sesi kedua dikhususkan untuk para pelayan koir dan pemazmur.

Bagi sesi untuk para pelayan koir dan pemazmur, mereka diberi pengenalan ringkas tentang buku lagu "Sing Your Praise To God (SYPG)" (versi baharu).

Kemudian, dalam topik "Kriteria Pemilihan Lagu-lagu Misa menurut prinsip-prinsip liturgi" diikuti topik kedua, "Pe-ranan Mazmur dalam Pelayanan Liturgi".

Dalam topik pertama dijelaskan bahawa pemilihan lagu-lagu suci harus dikaji dengan teliti untuk membantu, menyokong, mengangkat dan memperdalam tindakan liturgi. Muzik suci memenuhi fungsinya menurut tiga butir iaitu pertama, keindahan ungkapan doa, kedua, keikutsertaan jemaat yang serasi pada



waktu yang sudah ditentukan, dan ketiga, sifat perayaan yang semarak. Dalam memilih jenis muzik suci yang digunakan, sama ada untuk koir atau umat, keupayaan mereka yang akan ber-nyanyi harus dipertimbangkan.

Menurut Sdra Neil, tiada satu jenis muzik suci dilarang oleh Gereja asalkan ianya ber-sesuaian dengan perayaan liturgi tersebut dan menurut sifat bahagian-bahagiannya, serta tidak menghindar keikutsertaan aktif umat.

Sdra Neil turut menerangkan tentang nyanyian-nyanyian dalam liturgi misalnya nyanyian pembukaan Misa, persembahan komuni dan

pengutusan.

Lagu yang menggunakan perkataan "Aku" seolah-olah Tuhan yang berbicara kepada kita mungkin sesuai untuk dilagukan pada masa-masa tertentu bukan semasa Misa.

Sebarang lagu yang menggunakan kata-kata Yesus atau Tuhan yang tidak terkandung dalam Kitab Suci, tidak harus digunakan. Misa adalah masa untuk menyembah Dia dan bukan untuk melagukan kata-kata Tuhan yang menyenangkan dan menghiburkan.

Seterusnya, dalam topik peranan mazmur

dalam perayaan liturgi, dijelaskan bahawa mazmur bukanlah bacaan atau doa, tetapi sajak puji-pujian.

Mazmur tanggapan bertujuan untuk membantu mendalami renungan bacaan pertama dan hendaklah sesuai dengan bacaan yang bersangkutan, dan diambil dari Buku Bacaan Misa.

Pada akhir seminar, beberapa maklum balas peserta yang diterima mengatakan bahawa pemahaman mereka dalam perjalanan liturgi dan Misa Kudus, kini lebih jelas dan mendalam. — *Ely George*

Menarik dan unik, paderi baru disambut dalam upacara *monggongoi*

KENINGAU: Pada Mac 25, 2023, paderi yang baru ditahbis, Fr Appolionius Yakis telah diumumkan untuk melayani di Paroki Katedral St Francis Xavier (KSFX) oleh Uskup Cornelius Piong.

Majlis Pastoral Paroki Katedral St Francis Xavier telah mengadakan satu acara istimewa untuk menyambut kedatangan Fr Appolionius iaitu upacara *Monggongoi*.

Upacara *Monggongoi* adalah satu tradisi yang biasanya dilakukan dalam perkahwinan suku kaum Kadazandusun, yang mana pengantin lelaki mengambil pengantin perempuan di rumah kediaman pihak perempuan.

Bagi upacara *Monggongoi* yang dianjurkan oleh Gereja, Fr Appolionius pula, ia adalah simbolik yang menandakan bahawa Paroki Keningau bersama umat menyambut kedatangannya.

Dengan memakai busana tradisional, rombongan dari KSFX bertolak ke Tambunan untuk *monggongoi* (mengambil) Fr Appolionius.

Upacara ini turut memasukkan elemen-elemen tradisi seperti berbalas pantun, pemberian hadiah dan permainan.

Lebih kurang jam 3.00 petang, Fr Appolionius dibawa ke KSFX di mana paderi dari



Fr Appolionius (paling kiri) dalam upacara *monggongoi*.

Kongregasi CSE itu diraikan dalam satu lagi majlis kesyukuran.

Semoga Upacara *Monggongoi* ini, menjadi

pemangkin semangat bagi Fr.Appolionius untuk terus setia dalam panggilannya. — *Juan bin Marcus*

Tanya Jawab



Adakah anda mempunyai persoalan agama, Kitab Suci atau ajaran Gereja?

Hantarkan soalan anda ke:

HERALD
5, Jalan Robertson,
50150 Kuala Lumpur

Tel: 03-2026 8291

Email:
liza@herald.com.my

Siapa yang boleh memimpin eksorsisme?

Soalan: Apa bezanya pengusiran syaitan/roh jahat yang dilakukan oleh paderi yang dilantik oleh Uskup dan yang boleh dilakukan oleh umat Katolik? — Ingin Tahu

Jawaban: Di dalam Injil, dinyatakan bahawa semasa Yesus memilih kedua belas rasul, diberikannya kuasa kepada mereka untuk mengusir roh-roh jahat (Mat. 10:1; Mrk. 3:15). Kuasa tersebut diberikan kepada kedua belas rasul.

Maka, sebenarnya kuasa itu ada pada Yesus, namun Dia memberikan kuasa tersebut juga kepada para rasul-Nya, untuk bertindak atas nama-Nya, dengan kuasa dari-Nya.

Apakah secara automatik setiap murid Yesus akan boleh mengusir syaitan? Ini dapat kita perhatikan dalam Penginjil yang memberitakan tentang para murid yang tidak dapat mengusir syaitan, "Mengapa kami tidak dapat mengusir syaitan itu?" (Mat. 17:19; bdk Mrk. 9:18; 9:40).

Atas pertanyaan tersebut Yesus menjawab kerana mereka kurang percaya. Tanda-tanda orang yang percaya telah dijelaskan oleh Yesus sebelum Dia naik ke Syurga. Salah satu tanda orang percaya ialah kemampuan mengusir syaitan demi nama-Nya (Lih. Mrk. 16:17).

Namun ada pula orang yang bukan murid Yesus juga dapat mengusir syaitan demi nama-Nya, Yesus menjawabnya bahawa mereka itu bukan lawan dan tidak melawan Yesus (Lih. Mrk. 9:38-41; Luk 9:49-50).

Tetapi Yesus juga mengingatkan tentang bahaya pengajaran-pengajaran sesat, "Pada hari terakhir banyak orang ... mengusir syaitan demi nama-Ku... pada saat itulah Aku akan berterus-terang kepada mereka dan berkata, 'Aku tidak pernah mengenal kamu!'" (Mat. 7:22-23).

Dari satu sisi, pengusiran syaitan adalah tanda hadirnya Tuhan, namun di sisi lain, kita harus berhati-hati bahawa tidak semuanya berasal daripada Tuhan.

Pengusiran syaitan, atau eksorsisme, memiliki akar yang panjang dan kuat, bukan sahaja dari Kitab Suci namun juga dari tradisi Gereja.

Tindakan tersebut dapat dikatakan sebagai sakramental, tanda-tanda suci, sesuatu yang hanya didapati melalui perantaraan Gereja, yang ber-matlamat mempersiapkan kita agar semakin menerima buah utama sakramen serta bagi penyucian hidup - menurut Dokumen Vatikan II, *Sacrosanctum Sacramentum*.

Oleh itu, tidak seorang pun dapat melakukan eksorsisme terhadap orang yang kerasukan syaitan tanpa mendapatkan kuasa dari uskup.

Orang yang mendapat wewenang tersebut, dikatakan dalam Kitab Hukum Kanonik, haruslah paderi yang unggul dalam kesalehan, pengetahuan, kearifan dan integriti hidup (KHK 1172).

Hanya Uskup yang boleh memberi kuasa tersebut. Dari sini kita dapat melihat bahawa tindakan tersebut, merupakan sesuatu yang publik dan resmi, bukanlah sesuatu yang biasa dan dapat dilakukan

oleh sesiapa sahaja.

Sebagai umat beriman, kita boleh membantu dengan berdoa agar kita dibebaskan dari yang jahat, sebagaimana didaraskan pada doa Bapa Kami.

Roh jahat yang kita hadapi ada pelbagai jenis maka pengusiran roh jahat, atau eksorsisme juga berbeza-beza.

Oleh itu, Gereja memiliki pedoman rasminya, misalnya *Rituale de Exorcismis* (1998). Dua tahun kemudian dikeluarkanlah instruksi dari Kongregasi Ajaran Iman, *Ardens Felicitas*, yang merupakan semua doa yang merupakan permohonan penyembuhan dari pengaruh si jahat, berbeza dengan eksorsisme, sesuatu yang melekat pada kuasa uskup dan yang diberi kewenangan olehnya.

Selain itu diingatkan bahawa ritual eksorsisme tidak boleh dimasukkan ke dalam perayaan Ekaristi atau perayaan sakramen lainnya.

Para uskup, melalui berkat kuasa tahbisannya, memiliki kuasa daripada Kristus dalam Gereja-Nya, dan berwenang melimpahkan kuasa tersebut untuk melantik paderi yang dipecayai bagi mengusir roh jahat.

Ketentuan ini juga adalah untuk menghindari salah faham tentang eksorsisme, apalagi kesombongan rohani di kalangan mereka yang merasa diri mereka boleh mengusir syaitan. Gereja perlu menata untuk meluruskan dan menempatkan segalanya pada tempatnya. — *Fr T. Krispurwana Cahyadi SJ, hidupkatolik.com*

Sahabat kecil Yesus

Bongkar kod rahsia di bawah untuk membaca pesan Yesus.

U= √ A= † H= ≍ P= ☺ D= ① N= ⌘ E= ✕



AK √ LAH J † L † ⌘

DAN K ✕ B ✕ N † R A ✕

DAN ≍ I ① U ☺


(Yoh 14:6)

Gambar di bawah tidak lengkap. Dapatkah adik-adik melengkapkan gambar ini dengan menambah lukisan dan mewarnakannya?



Ajarlah aku melakukan kehendak-Mu, sebab Engkaulah Tuhanku! Kiranya Roh-Mu yang baik itu menuntun aku di tanah yang rata!
(Mazmur 143:10)

Datanglah kepada-Ku ... (Mat 11:28). Bantu kanak-kanak pada gambar di bawah untuk datang kepada Yesus.



TULISKAN SUKUKATA YANG BETUL PADA AYAT DI BAWAH.


Jangan ____
geli ____ hatimu;
perca ____
kepa ____ Tuhan.

yalah

sah

da

lah



Hello adik-adik,

Banyak nabi dan tokoh agama lain mengajarkan bahawa mereka menunjukkan jalan kepada Tuhan.

Tetapi, dalam iman Katolik kita, hanya Yesus sendiri yang dapat mengatakan bahawa Dia adalah Jalan dan jalan satu-satunya untuk datang kepada Tuhan (lih. Yoh 4:6b).

Seorang Santo terkenal iaitu St

Petrus Krisologus menulis bahawa manusia tidak mungkin mencapai Tuhan kecuali melalui Tuhan.

Adik-adik, hanya Kristus, yang adalah Tuhan, yang dapat memberikan kepastian jalan keselamatan.

Ada dua jalan di dunia ini. Jalan pertama ialah Jalan Duniawi dan Jalan Kedua adalah Jalan ke Kehidupan Kekal.

Jalan duniawi kelihatan sangat

menarik dan indah tetapi tidak ada kebahagiaan kekal, mungkin juga boleh menghancurkan hidup kita.

Jalan ke Kehidupan Kekal atau Syurgawi pula kelihatan sukar. Tetapi jangan lupa, meskipun sukar Yesus berjalan bersama kita.

Bagaimana memastikan agar kita sentiasa berada di Jalan Tuhan.

Kita harus selalu menghadiri Misa Kudus, jangan malas berdoa dan bacalah Firman Tuhan setiap

hari.

Mari kita mohon kepada Tuhan, agar Dia dapat menambah dan meneguhkan iman kita untuk selalu percaya kepada-Nya.

Ya Tuhan, hantarlah kami melalui Yesus Jalan, Kebenaran dan Hidup kami, untuk sampai ke rumah-Mu, kini dan sepanjang masa. Amen.

Salam Sayang
Antie Melly

BELIA MILENIUM

Yang percaya tidak akan haus lagi ...

KUALA LUMPUR: 15 orang baptisan baru dan seorang dari Gereja Anglikan yang telah diterima ke Gereja Katolik, mengungkapkan perasaan syukur mereka setelah dibaptis serta diterima sebagai anggota Gereja Katolik pada Hari Minggu Paskah lalu, di Gereja St Anthony, Pudu.

Tiga orang belia berkongsi mengapa mereka memilih untuk menjadi pengikut Yesus.

Hillferah Tan, berasal dari Sabah mengatakan beliau mula belajar mengenali Katolik ketika berumur belajar di universiti.

"Saya tertarik melihat cara hidup rakan-rakan saya yang beragama Katolik yang baik dan peramah.

"Semasa menyertai kelas IKD, saya mengalami banyak perubahan yang baik dalam hidup saya.

"Dahulu saya bebas melakukan apa sahaja tanpa mengetahui sesuatu itu baik atau buruk, kini, saya lebih memahami melakukan perkara yang lebih baik berdasarkan ajaran gereja Katolik dan memberi kesan yang lebih positif dalam kehidupan seharian saya.

"Bagi saya pada mulanya ajaran Katolik ini amat sukar dan ia bukan sesuatu mudah, tetapi selepas melalui perjalanan kelas IKD dan sudah di baptis, kini saya berasa lebih selesa dan itulah panggilan saya untuk menjadi seorang Katolik yang setia," ujar Hillferah.

Welter Mika Pangerian dari Lawas, Sarawak memilih nama baptis, Mikhael, sebelum mengenal Yesus, mempunyai keingi-



Hillferah Tan



Heavenly Babad



Welter Mika Pangerian

nan untuk mencari damai.

Setelah berkeluarga, dia ingin menjadi teladan yang baik sebagai ketua keluarga.

Beliau mendapat sokongan dan dorongan daripada isteri serta ibu mertua untuk ke gereja sekaligus mendaftarkan diri untuk menyertai kelas IKD.

Welter mengakui, kelas IKD memberinya banyak pengetahuan tentang Sakramen dan Ajaran Gereja.

Kini, Welter menyukai rutin hidup berdoa kerana ia bukan sahaja membantunya untuk berasa lebih yakin dan menjadi lebih baik terhadap keluarga serta orang lain, tetapi juga, percaya bahawa Yesus sentiasa mengampuni, melindungi dan tidak akan menarik kembali janji kebahagiaan kekal-Nya.

Heavenly, 24 tahun, berasal dari Keningau, Sabah merupakan penganut agama Anglikan.

Memandangkan Gereja Katolik mengiktiraf pembaptisan dalam Gereja Anglikan, maka pada April 9 lalu, Heavenly,

keberatan tetapi kini, saya mengatakan saya tidak menyesal dengan keputusan saya.

Syukur, sokongan padu dari keluarga, Katekis pembimbing dan komuniti Katolik, saya bersedia untuk menjadi pengikut Yesus.

Selepas dibaptis, saya merasai sukacita dan damai.

tidak perlu dibaptis semula melainkan hanya melalui Upacara Penerimaan.

Ditanya mengapa mahu menyertai Gereja Katolik, Heavenly mengatakan pasangannya, seorang Katolik, selalu memberi dorongan dan bimbingan mengenai Gereja Katolik.

Setelah menyertai kelas IKD yang disangkanya hanya mengajar katekismus, rupanya kelas IKD turut membantu dan tidak memaksa para katekumen untuk menerima kerohanian Katolik. — **Karlwin Kerol**


Cintakasih Yesus mengubah hidup saya

Yang mendorong saya untuk menjadi seorang Katolik ialah panggilan dalam diri saya yang mahu mengenal agama ini dengan lebih dalam.

Oleh itu, saya menyertai kelas IKD kerana ingin tahu bagaimana umat Katolik melayani dalam Gereja, dan ingin tahu bagaimana perjalanan Yesus sebelum dibangkitkan, dan sudah tentu saya ingin keluarga saya sendiri menjadi Katolik.

Cabaran sepanjang masuk Katolik adalah, kesibukan kerja kerana pada waktu itu saya berkerja dan sukar mendapat cuti untuk ke kelas IKD.

Namun syukur, para katekis pembimbing memahami dan jika saya tidak dapat menghadiri,



mereka akan memberi nota dan latihan.

Selepas dibaptis, [Harapan saya setelah menjadi umat Katolik, saya mahu lebih mengenali dan mendalami, pelajari lebih lagi tentang Tuhan Yesus agar iman saya sentiasa tumbuh dan berkembang agar saya dapat mendidik anak-anak saya dan keluarga saya pentingnya mengaktifkan diri dlm Gereja Katolik. — **Aivy Justim, Keuskupan Sandakan**

Tuhan tidak mengadili tetapi MENYELAMATKAN



William dan rakan-rakan menyambut ulang tahun kelahiran selepas dibaptis pada April 9, bersama Sister dan paderi paroki.

Terus terang, bukan senang untuk menjadi seorang Katolik. Macam-macam dugaan yang saya lalui sebelum saya menjadi Katolik.

Masalah dari segi peribadi, masalah dari segi kewangan, perniagaan, pekerjaan dan paling malang, saya telah mengalami kemalangan semasa peringkat awal menyertai IKD!

Ini adalah percubaan kali ketiga untuk dibaptis dalam Gereja Katolik. Percubaan pertama dan kedua gagal akibat masa dan pelbagai masalah.

Tetapi mengapa saya masih mahu dibaptis dalam Gereja Katolik? Kerana Yesus adalah Tuhan yang telah Bangkit, Dia Hidup dan berjalan bersama dengan kita di dunia ini!

Kepada sesiapa yang mempunyai panggilan dan terdorong untuk mengenal Yesus, marilah, datanglah dan belajarlah tentang Yesus di Gereja atau daftarlah untuk menyertai kelas IKD.

Bayangkan, Gereja sentiasa mengutamakan dan mendengar kita. Gereja mengutus para Katekis Pembimbing yang rela, komited dan sabar berjalan bersama para katekumen sehingga dibaptis.

Malah, mereka juga memastikan tempat selesa bagi pelajar IKD. Dan jika anda menarik diri, anda tidak akan disaman atau ditangkap!

Kerana Gereja tidak memaksa anda untuk menjadi Katolik sebaliknya mahu menghulurkan persahabatan dan menawarkan damai. — **William Sabah, St Joseph Papar, Sabah**

Mahu lari tetapi akhirnya berpaut kepada Tuhan

Saya menyertai kelas IKD kerana dipaksa oleh ibu saya!

Pada mulanya saya berasa bosan tetapi selepas beberapa sesi, hati saya mula terbuka dan tersentuh. Belajar dan mengenali Tuhan sangat menarik.

Walaupun pada mulanya saya



saya merasai sukacita dan damai.

Sebelum ini, saya memang bersikap acuh tak acuh. Saya percaya, Yesus telah mengubah sikap ini. Saya lebih berhati-hati dan berfikir dua kali ketika membuat keputusan.

Selain itu, perubahan ketara yang saya alami selepas dibaptis ialah dahulu saya kurang yakin bergaul. Sekarang saya lebih terbuka untuk berbual dan menyapa orang lain. — **Russel Fung, Katedral St Mary, Sandakan**

Sri Paus ke Hungary sebagai sahabat dan bertemu pelarian Ukraine

BUDAPEST, Hungary: Selepas beberapa minggu menghadapi masalah kesihatan, Bapa Suci mengunjungi Hungary pada April 28 lalu untuk bertemu dengan para pengelarian Ukraine dan pemimpin nasionalis Viktor Orban.

Semasa di Budapest, beliau turut diiringi oleh doktor dan memakai kerusi roda.

Peperangan di negara tetangganya, Ukraine, menyebabkan lebih satu juta pelarian melintasi sempadan menuju ke Hungary sejak negara itu dijajah oleh Rusia pada Februari 2022 dan puluhan ribu lagi telah meminta status perlindungan sementara, menurut data PBB.

Sebelum kunjungan ke Hungary, Bapa Suci pernah bertemu dengan Presiden Viktor Orban di Vatikan di mana Fransiskus berterima kasih kepada beliau, yang membuka negaranya menerima para pelarian dari Ukraine.

Sri Paus asal Argentina itu telah berulang kali menyerukan perdamaian di Ukraine, meskipun usaha Vatikan untuk damai setakat ini gagal membuahkan hasil.

Eduard Habsburg, duta besar Hungary untuk Takhta Suci, mengatakan “posisi kami dekat dengan Vatikan — (kami ingin) gencatan senjata segera dan pembicaraan damai”.

“Kami telah menyerukan perdamaian sejak awal... dan kami selalu mengecam keras serangan Rusia terhadap Ukraine,” katanya.

Dengan menampung begitu ramai pelarian, “negara saya melakukan pelbagai tindakan kemanusiaan terbesar dalam sejarahnya seperti menyediakan perumahan, sekolah dan pekerjaan bagi mereka yang ingin tinggal, katanya.

Dalam perjalanan ke luar negara yang ke-41 sejak menjadi Sri Paus pada tahun



2013, Sri Paus Fransiskus memimpin Misa terbuka pada Minggu sebelum kembali ke Vatikan.

Beliau bertemu dengan para pelarian Ukraine dan negara lain, serta kaum muda dan perwakilan dari sektor akademik dan budaya.

Media di Hungary yang menyokong Orban pernah mengkritik Sri Paus kerana

terlalu menyokong para migran namun kunjung Sri Paus ini membawa manfaat untuk menekankan “nilai-nilai tradisional bersama, keluarga dan Tuhan”.

Sri Paus Fransiskus adalah Sri Paus kedua yang mengunjungi Hungary selepas Sri Paus Yohanes Paulus II yang melakukan perjalanan ke negara itu pada tahun 1991 dan 1996. — *media Vatikan*

Vatikan persiap teks untuk pasangan bercerai dan berkahwin semula



VATIKAN: Dikasteri Vatikan untuk Kaum Awam, Keluarga dan Kehidupan sedang mempersiapkan dokumen yang akan mengendalikan pasangan yang bercerai dan berkahwin semula.

Dokumen ini dikeluarkan atas permintaan Sri Paus Fransiskus. Menurut ketua dikasteri, Kardinal Kevin Farrell, Farrell, dokumen yang sedang rancak disiapkan itu membincangkan tentang pelayanan pastoral keluarga dan misi umat beriman.

Katanya, adalah penting untuk

memberi bantuan dan bimbingan kepada “mereka yang mengalami krisis perkahwinan dari pelbagai aspek.”

Selain itu, dikasteri juga sedang mengusahakan penyediaan teks seperti yang dikehendaki oleh Bapa Suci, tentang perkahwinan lelaki dan wanita yang gagal, kini hidup bersama pasangan dengan pasangan baru,” tambah Farrell.

Namun Farrell tidak menyebut bila dokumen ini akan diterbitkan.

Gereja mengajar bahawa Katolik yang bercerai dan berkahwin

semula tanpa pembatalan tidak dibenarkan menerima Tubuh Kristus. Ajaran ini diteguhkan lagi oleh Sto Yohanes Paulus II pada tahun 2005 dalam ekshortasi apostolik, “*Familiaris Consortio*”

Bapa Suci Fransiskus telah mengatakan semasa kepausannya mungkin terdapat situasi kes mana Katolik yang bercerai dan berkahwin semula boleh menerima Ekaristi, khususnya situasi di mana pasangan mengamalkan kekudusan dalam perkahwinan mereka. — *CNA*

Modi beri jawapan positif jika Bapa Suci kunjungi India

KERALA India: Para pemimpin dari tujuh denominasi Gereja telah bertemu Perdana Menteri India, Narendra Modi dan menyampaikan kepada beliau tentang keprihatinan komuniti Kristian serta berbicara tentang kemungkinan kunjungan Sri Paus Fransiskus ke India.

Kardinal George Alencherry, kepala Gereja Siro-Malabar ritis Timur yang berpusat di Kerala, menyebut pertemuan dengan Modi “berjalan lancar.”

Dalam pertemuan itu, para perwakilan Kristian membincangkan masalah kekerasan terhadap orang Kristian dan kuota rizab untuk

orang Kristian Dalit.

Modi sering dituduh mendiagnosis diri atau terkait dengan kekerasan terhadap umat Kristian.

Kerajaan parti di bawah pemerintahan Modi juga menolak kemudahan sosial bagi orang Kristian Dalit.

Modi berjanji akan melindungi semua orang tanpa mengira agama. Perdana Menteri itu juga memberi sahutan positif bahawa beliau akan menerima kedatangan Sri Paus Fransiskus ke India.

Sri Paus Yohanes Paulus II adalah Bapa Suci terakhir yang mengunjungi India pada tahun 1999. — *ucanews.com*



Uskup Agung Delhi, Magr. Anil Thomas Couto menghadiahkan sebuah patung kepada Modi ketika beliau mengunjungi Katedral Hati Kudus di New Delhi pada April 9. Gambar: *ucanews.com*

Panggilan adalah rahmat dan perutusan

ROMA: Kita dipanggil untuk memiliki iman yang memberi kesaksian, iman yang berkaitan erat dengan kehidupan rahmat, sebagaimana kita alami dalam sakramen-sakramen dan persekutuan gerejawi, dengan karya kerasulan kita di dunia, demikian petikan pesan Sri Paus Fransiskus sempena Hari Doa Panggilan Sedunia ke-60.

Berikut merupakan antara petikan pesan perayaan Hari Minggu Doa Panggilan yang bertema, *Panggilan: Rahmat dan Perutusan*:

Di bawah bimbingan Roh Kudus, umat Kristiani diseru untuk menyahut dan prihatin terhadap mereka yang terabai, melihat ke-tragisan drama kemanusiaan yang semakin parah dengan sentiasa menyedari bahawa perutusan adalah karya Tuhan.

Kita tidak menjalankan perutusan sendirian, tetapi selalu dalam persekutuan gerejawi, bersama dengan saudara-saudari kita yang lain, dan di bawah bimbingan para gembala Gereja.

Kerana inilah, yang senantiasa menjadi dambaan Tuhan, iaitu kita hendaknya hidup bersama Dia dalam persekutuan kasih.

Bapa Suci menulis bahawa panggilan adalah karunia dan tugas, sumber kehidupan baru dan sukacita sejati.



Sri Paus Fransiskus bersama para religius pada tahun 2018.

“Roh Tuhan yang bangkit menyebarkan sikap acuh tak acuh kita serta memberi kita karunia simpati dan empati.”

“Dengan cara ini, Ia memampukan kita untuk setiap hari hidup dilahirkan kembali sebagai anak-anak Tuhan Sang Kasih (bdk. 1 Yoh. 4:16) dan pada gilirannya menawarkan kasih itu kepada sesama kita.

Dalam pesan itu juga, Sri Paus Fransiskus menyelitkan doa panggilan yang dikarang oleh Sto Paulus VI:

“Ya Yesus, Sang Gembala ilahi jiwa-jiwa, Engkau memanggil para rasul dan menjadikan mereka penjala manusia.

Teruslah menarik jiwa-jiwa yang bersemangat dan murah hati

dari kalangan kaum muda, untuk menjadikan mereka pengikut dan pelayan-Mu.

Jadikanlah mereka ambil bahagian dalam dahaga-Mu akan penebusan semua orang...

Di hadapan mereka, bukalah cakrawala seluruh dunia...

Dengan menanggapi panggilan-Mu, semoga cakrawala tersebut meluaskan perutusan-Mu di bumi ini, membangun Gereja,

Tubuh mistik-Mu, serta menjadi ‘garam dunia’ dan ‘terang dunia’ (Mat. 5:13).”

Ikuti teks penuh Hari Minggu Doa Panggilan ke-30 di pautan: <https://www.vatican.va/content/francesco/en/messages/vocations/documents/20230430-messaggio-60-gm-vocazioni.html>

Gunakan waktu setiap malam bersama Yesus

VATIKAN: Yesus mengetahui bagaimana mengubah setiap kesulitan atau membantu orang yang jatuh, kata Sri Paus Fransiskus.

Dengan kasih Kristus “bahkan yang tampak melelahkan dan tidak berhasil, Dia dapat muncul di bawah sebuah cahaya lain,” katanya pada April 23.

Sebelum mendaraskan Doa “*Regina Coeli*” pada tengah hari bersama dengan sekitar 30.000 orang yang berkumpul di Dataran Santo Petrus, Sri Paus Fransiskus berbicara tentang bacaan Injil hari itu, Lukas 24:13-35, yang menggambarkan perjumpaan Yesus yang bangkit dengan para murid menuju Emaus.

Yesus muncul di samping kedua-dua murid itu dan meminta mereka untuk menceritakan apa yang telah terjadi dan membuat mereka sedih.

Dan, semasa mereka berjalan, Yesus “membantu mereka menafsirkan kembali fakta dengan cara yang berbeza, dalam terang nubuatan, Firman Tuhan,” kata Bapa Suci.

“Injil hari ini mengajak kita untuk menceritakan segala sesuatu tentang Yesus, dengan tulus, tanpa takut mengganggu Dia. Yesus mendengar kita. Jangan takut untuk menyuarakan hati dan perasaan kita terhadap-Nya. Jangan takut mengatakan hal yang salah, jangan segan dengan perjuangan kita, kerana Yesus memahami,” katanya.

Apabila Salib sukar dirangkul

“Tuhan bersukacita setiap kali kita membuka diri kepada-Nya,” katanya. “Hanya dengan cara ini Dia dapat memegang tan-



gan kita, menemani kita dan membuat hati kita bersemangat semula.”

Sri Paus berpesan bahawa cara yang baik untuk melakukan ini adalah dengan mendedikasikan waktu setiap malam untuk pemeriksaan hati nurani secara singkat dan merenungkan apa yang berlaku hari ini.

“Bersama Yesus, pada waktu malam, sebelum tidur, dengan ‘buka hati anda kepada-Nya, serahkan semua yang berlaku pada siang tadi, tentang pilihan, ketakutan, kejatuhan dan harapan — semua hal yang terjadi — untuk belajar secara bertahap bagi melihat sesuatu dengan mata yang berbeza, dengan mata-Nya dan bukan

hanya mata kita sendiri.”

“Dengan demikian,” kata Sri Paus, “kita dapat menghidupkan kembali pengalaman kedua-dua murid itu.”

Salib yang sukar untuk dipeluk, keputusan untuk memaafkan kesalahan, kehilangan kesempatan untuk memperbaiki, kerja keras yang melelahkan, ketulusan yang harus dibayar, dan percubaan dalam kehidupan keluarga — berbicaralah tentang semua hal ini dengan Yesus.”

“Dia pasti akan memberi terang atau cahaya baru, cahaya Yang Tersalib dan Yang Bangkit, yang tahu bagaimana mengubah setiap kejatuhan menjadi satu langkah maju.” — *media Vatikan*

SANTAPAN IMAN

Biarpun relasi dengan Tuhan semakin hambar, Dia tetap memelihara kita

Bea (bukan nama sebenar), merupakan pelajar tahun satu di sebuah universiti tempatan. Keterujaannya untuk menyambung pelajaran di peringkat tertinggi hambar gara-gara kesukaran yang dihadapi oleh keluarganya.

Beberapa minggu selepas memulakan pengajiannya, keluarga Bea ditimpa musibah. Perniagaan bapanya mengalami kerugian akibat ditipu rakan seperniagaan. Bukan sahaja perniagaan terpaksa ditutup, angkara rakan, nama baik ibu bapanya tercemar akibat fitnah.

Ini mengakibatkan rumah dan harta mereka terpaksa dijual dan berpindah ke kampung.

Sudah terbiasa hidup mewah di bandar, sudah pasti hidup di kampung agak kekok. Namun, ibu bapa Bea, tetap tekun berdoa dan berharap kepada Tuhan.

Tetapi Bea pula berlainan, dia tidak berdoa. Bea merasakan dia mampu membantu ibu bapanya. Dia berhenti belajar, terus tinggal di bandar dan membuat dua pekerjaan sampingan sekaligus.

Bea yakin dia boleh hidup tanpa pertolongan Tuhan. Andai Tuhan itu baik, mengapa Dia membiarkan orang jahat menjatuhkan ibu bapanya? Mengapa Tuhan membenarkan musibah berlaku pada keluarganya? Itulah yang difikirkan oleh Bea.

Namun, setelah beberapa bulan, tenaga Bea juga berkurangan. Motivasinya untuk



membantu keluarga juga semakin menipis. Tubuh dan mindanya letih kerana sering pulang larut malam, di samping karenah majikan yang memenatkannya.

Ibu Bea mempunyai tanah di wilayah lain. Tetapi tanah itu bertahun-tahun masih tidak dapat dijual.

Akhirnya Tuhan menjawab doa ibu bapa Bea. Tanah si ibu akhirnya dapat dijual dengan harga yang sangat luar biasa.

Ini membolehkan bapanya memulakan kembali perniagaan dan menebus kebanyakan harta benda mereka.

Kisah ini, bukan mengenai doa yang dijawab Tuhan tetapi bagaimana ibu bapa

Bea, yang telah teraniaya, terpaksa menjual segala harta mereka tetapi mereka tetap berdoa, tidak menyalahkan sesiapa dan berharap kepada Tuhan.

Tuhan selalu memberikan yang terbaik seperti janji-Nya.

- *Akulah roti hidup; sesiapa datang kepada-Ku, dia tidak akan lapar lagi, dan sesiapa percaya kepada-Ku, dia tidak akan haus lagi (Yoh 6: 35)*
- *Semua yang diberikan Bapa kepada-Ku akan datang kepada-Ku, dan sesiapa datang kepada-Ku, dia tidak akan Ku buang (Yoh 6:37).*
- *Semua yang telah diberikan-Nya kepada-Ku jangan ada yang hilang, tetapi supaya Ku bangkitkan pada akhir zaman (Yoh 6: 39).*

Pesan dari kisah Bea dan keluarganya ini, meskipun pada tahap paling buruk dalam hidup kita, Tuhan tetap memelihara dan melindungi kita.

Tuhan tidak pernah membuang kita sebaliknya memeluk kita dengan erat.

Mengenai Bea, dia telah pun menyambung pengajian dan menamatkan pengajiannya. Berdasarkan pengalaman ini, Bea juga telah belajar bahawa sesiapa pun, tidak akan mampu menghadapi cabaran tanpa pertolongan Tuhan.

Langit dan bumi akan berlalu, tetapi perkataan-Ku tidak akan berlalu (Mat 24: 35).

PENULIS BERKICAU

Oxytoxin dan kisah Lebaran

Lebaran atau Hari Raya Aidil Fitri yang dirayakan oleh penganut agama Islam sentiasa membawa kenangan manis kepada diri saya.

Bukan sahaja saya ikut serta merasai kemeriahannya tetapi bagi saya Lebaran adalah harapan, kemanusiaan dan berkat!

Pada hari Lebaran, adat kunjung mengunjung dan memohon kemaafan sangatlah murni. Secara simbolik, amalan kunjung mengunjung ini adalah berkat.

Lupakan dahulu tentang prejudis, tentang sebaran-sebaran tidak baik yang cuba memisahkan kita, tentang haram dan halal.

Saya menggunakan kata ‘lebaran’ kerana ia merujuk kepada dua perayaan besar penganut Islam iaitu Hari Raya Aidil Fitri dan Hari Raya Aidil Adha atau Hari Raya Korban.

Biasanya, apabila saya teruja merayakan lebaran, ada orang yang menegur, mengapa teruja merayakan perayaan agama orang lain?

Sejujurnya, kita perlu menukar persepsi kita. Fobia kepada agama lain perlu dikikis. Saya merayakan Lebaran tetapi bukan Aidil Fitri.

Saya merayakan Lebaran sebagai seorang Katolik, yang menghayati ajaran Yesus untuk berbagia semasa orang lain berbahagia (Rm 12: 15) dan berharap, agar kebahagiaan menyambut hari Lebaran, dapat dipanjangkan sebagai usaha mempromosi kasih dan persaudaraan.

Selain itu, setelah hampir tiga tahun tidak dapat mengunjung rakan ketika hari Lebaran, pada tahun ini, saya teruja dapat mengunjung rakan-rakan Islam yang telah lama tidak ketemu.

Sebuah teori mengatakan, apabila kita sudah lama tidak bertemu kenalan, apabila bertemu, bersalaman, memohon kemaafan, tubuh kita akan mengeluarkan hormon yang disebut “oxytocin”.

Oxytocin menumbuhkan rasa bahagia yang tak terkata. Maka, mungkin, saya berasa teruja untuk bertemu rakan pada hari Lebaran kerana hormon ini!

Juga, tidak hairan, semua orang kelihatan *all out* ketika balik kampung sehingga tidak mengira betapa mahalunya tiket bas, pesawat, feri dan sebagainya, sanggup diredah, asalkan dapat pulang berjumpa dengan orang-orang tersayang.

Mari kita hayati pesan Ramadan dan Aidil Fitri 2023 yang diterbitkan oleh Dikasteri Vatikan untuk Dialog Antara Agama yang bertema: Katolik dan Muslim: Promoter Cinta dan Persahabatan.

Berikut merupakan petikan pesan tersebut yang menyentuh hati saya...

“Kami sedar, bahawa hidup berdampingan secara aman dan mesra menghadapi banyak cabaran dan ancaman: ekstremisme, radikalisme, polemik, pertikaian, dan keganasan yang bermotifkan agama ...

“Oleh itu, kita perlu mencari cara yang paling sesuai untuk mengatasi dan mengatasi budaya sedemikian, meningkatkan cinta dan persahabatan, khususnya antara umat Islam dan Kristian, kerana ikatan ini adalah menyatukan kita dan semangat ini perlu demi menjaga “rumah kita bersama”, agar tempat yang selamat dan menyenangkan di mana kita boleh hidup bersama dalam kedamaian dan kegembiraan.”

KENYATAAN MISI HERALD

HERALD adalah Minggu Katolik Gereja Malaysia. Ia berusaha untuk menyampaikan berita-berita terkini, nilai-nilai Kristian dan berusaha untuk berdialog dengan semua sektor masyarakat untuk membina komuniti beriman kepada Tuhan yang harmoni. Kami menyokong pembentukan Gereja dan menggalakkan umat awam dan religius untuk membuat keputusan moral di arena luar Gereja.

Gereja Malaysia berkabung pemergian Uskup Emeritus James Chan

JOHOR BAHRU: “Melayani adalah sukacita ku” menggambarkan keperibadian Uskup James Chan, Uskup pertama Diosis Melaka Johor yang meninggal dunia pada April 22, 2023 pada usia 97 tahun.

Bakal merayakan ulang tahun emas episkopalnya pada bulan Jun ini, Uskup James dikenang sebagai paderi dan uskup yang berjuang menerapkan proses pembaharuan Gereja dan program pastoral dalam terang Konsili Vatikan II.

Semasa memimpin Misa Pengebumian pada April 24 di Katedral Sacred Heart, Uskup Bernard Paul, Uskup Melaka Johor, mengatakan Uskup James percaya, hidup dan meninggal dalam Kristus.

“Uskup James memilih jalan yang jarang dipilih oleh orang ramai. Jalan yang dipilihnya sukar dan akan membuatnya berasa bersendirian dan menghadapi banyak kesukaran. Tetapi, Uskup James tetap memilih jalan berliku ini kerana dia percaya hanya dengan kehadiran Tuhan, pelayanan adalah sukacita dan dia percaya, jalan yang dipilihnya ini akan membawanya kebahagiaan abadi,” kata Uskup Bernard semasa menyampaikan homilinya.

Misa pengebumian Uskup James turut dihadiri oleh Wakil Sri Paus ke Malaysia, Uskup Agung Wojciech Zaluski, Uskup Agung Julian Leow dari Kuala Lumpur, Uskup Sebastian Francis dari Pulau Pinang, Uskup Simon Poh dan Uskup Emeritus John Ha dari Kuching, Uskup Joseph Hii dari Sibu dan para klerus, religius, orang-orang kenamaan dari dalam dan luar Keuskupan Melaka-Johor.

Terdapat banyak jalan dan laluan di dunia ini. Pilihlah jalan yang benar dengan hati nurani kita. Uskup James Chan telah menemui jalan itu. Kita juga dapat menemui jalan itu dengan Yesus, Jalan, Kebenaran dan Hidup.

Aggiornamento 1976

Uskup Sebastian dari Pulau Pinang yang membacakan eulogi Uskup James mengatakan bahawa mendiang Uskup James merupakan salah seorang bapa pendiri *Aggiornamento* 1976, pembaharuan dan reformasi Gereja di Semenanjung Malaysia pada tahun 1976 bersama mendiang Uskup Agung Dominic Vendargon dari Kuala Lumpur dan Uskup Gregory Yong dari Pulau Pinang.



Suasana hormat dan berkabung semasa Misa Pengebumian Uskup Emeritus James Chan di Katedral Sacred Heart, Johor Bahru.

Kardinal Soter Fernandez dari Malaysia juga merupakan salah seorang tokoh terkemuka dalam gerakan tersebut.

Uskup Sebastian juga menyampaikan kesaksian ramai paderi dan umat awam bahawa mereka melihat contoh jelas keteguhan hati mendiang Uskup kepada Tuhan melalui peribadi Uskup James, tetap tabah, merendahkan hati, dan mudah didekati oleh mereka yang mengasihi dan membencinya, lebih-lebih lagi semasa Operasi Lalang 1987.

Pada tahun 1992, Uskup James menerbitkan sebuah buku tentang kehidupan dan spiritualitinya, berjudul “When the Fruits of the Rambutan Tree are about to Ripen.”

“Sesungguhnya, rambutan yang ditanam oleh Uskup James Chan adalah manis ...” ujar Uskup Sebastian.

“Kini kita mempunyai seorang lagi pengantara di syurga. Warisan Uskup James di Keuskupan Melaka Johor akan terus dihidupi” kata Uskup Sebastian Francis yang ditahbis sebagai paderi dan diangkat sebagai Uskup oleh Uskup James.

Melayani adalah sukacita ku

Uskup Emeritus James Chan Soon Cheong, ditahbis sebagai Uskup pada Jun 8, 1973 oleh Uskup Agung Kuala Lumpur, Tan Sri Dominic Vendargon, yang sangat memengaruhi kepemimpinan dan program pastoralnya.

Sebelum menjadi uskup, pada usia 24 tahun, mendiang memasuki seminari di Singapura ketika Melaka-Johor menjadi sebahagian dari Keuskupan Singapura. Beliau kemudian ditahbis menjadi paderi untuk Keuskupan Pulau Pinang pada Ogos 9, 1959.

Mendiang melayani keuskupan itu sebagai paderi paroki dan menjadi administrator keuskupan sehinggalah pada Disember 22, 1972, Sri Paus Paulus VI melantiknya sebagai uskup pertama Melaka Johor, sebuah keuskupan baru yang mengambil wilayah Melaka dari Keuskupan Agung Singapura.

Sebagai gembala, Uskup James melanjutkan gerakan pembaharuan dengan melibatkan para klerus serta awam.

Prelatus itu memulakan pembinaan Pusat MAJODI di Johor, yang turut menyediakan rumah bagi warga emas, pusat penjagaan kanak-kanak, tempat retret dan formasi bagi perkumpulan Kristian di Malaysia dan Singapura.

Selain memantau pembangunan pelbagai gereja, kapel dan dewan, beliau telah mengundang tujuh kongregasi religius termasuk Yesuit untuk melayani di keuskupan itu.

Setelah bersara pada tahun 2001, Uskup James mulai tinggal di Graceville, sebuah vila yang didirikannya untuk para paderi usia lanjut.

Uskup James dimakamkan di Pemakaman Katolik Ulu Tiram, selepas Misa pengebumian pada April 24.

Jun 8, hari mengenang Uskup James Chan

Pada akhir Misa, Uskup Bernard Paul mengumumkan bahawa, pada Jun 8, 2023, telah dirancang perayaan sambutan Jubli Emas Episkopal bagi Uskup James Chan.

“Namun rencana manusia tidak sama dengan rencana Tuhan. Perayaan itu diteruskan namun lebih kepada bentuk doa dan Misa peringatan untuk Uskup James Chan,” ucap Uskup Bernard.

Pada Jun 8, 2023, Ulang Tahun Emas episkopal Uskup James Chan akan dirayakan dengan doa dan Misa Memorial.

Caritas Asia anjur bengkel pembangunan institusi dan pengukuhan kapasiti

MELAKA: Caritas Malaysia (CM) dengan kerjasama Tim Sekretariat Serantau Caritas Asia (CA) menganjurkan Bengkel Pembangunan Institusi dan Pengukuhan Kapasiti Caritas Asia (IDCS) buat julung kalinya, baru-baru ini.

Lima puluh peserta dari tiga wilayah - Caritas Timur Tengah dan Afrika Utara (MONA), Caritas OCEANIA, dan Caritas ASIA telah hadir dalam bengkel selama empat hari tersebut.

Bengkel empat hari ini penting bagi mereka yang terlibat dalam pelayanan Caritas. Konsep keseluruhan bengkel ini, “Apa yang PENTING bagi Caritas Internationalis adalah PENTING kepada kami,

Keluarga Caritas di seluruh dunia!”.

Pada hari pertama, para peserta mengikuti sesi Kepentingan Piawai Pengurusan untuk digunakan sebagai pembangunan institusi dan pengurusan perubahan dalam institusi.

Ini diikuti dengan sesi Alat Semakan Organisasi (ORT) sebagai kerja dalam kumpulan serta taklimat tentang Pengurangan Analisis Risiko oleh Flix Miguel Sanchez Delgado, dari Caritas Sepanyol.

Pada hari terakhir, para peserta menguji alat (kajian kes) untuk mengetahui tentang Penilaian Luaran, Solidariti Pembangunan Organisasi, dan amalan terbaik oleh ahli-ahli Caritas yang berpengalaman.



Uskup Bernard Paul bersama para peserta bengkel.

Perwakilan Caritas dari Malaysia, Eta Ting berkata, “Bengkel ini membantu saya untuk melihat keseimbangan dalam misi sebenar agar lebih memberi manfaat kepada semua pihak berkepentingan yang ter-

libat, terutamanya kepada golongan miskin yang terpinggir. Ia juga merupakan peluang keemasan untuk membentuk serta menjalin jaringan dan mendengar pengalaman berbeza dari ahli keluarga Caritas yang lain.”